

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH
[BESUT]

TARIKH : 3 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 130

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kedudukan atau *ranking* terkini Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di peringkat global; dan nyatakan langkah-langkah terkini Kementerian bagi meningkatkan lagi kedudukan IPT negara pada masa hadapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan laporan *QS World University Rankings 2020* yang dikeluarkan pada 19 Jun 2019, Universiti Malaya telah berjaya disenaraikan di antara 70 universiti terbaik di dunia berbanding di tempat ke-87 pada tahun lepas. Empat lagi Universiti Awam Malaysia juga berjaya menunjukkan peningkatan yang membanggakan iaitu Universiti Putra Malaysia di kedudukan ke-159:WUR2020 (2019: 202); Universiti Kebangsaan Malaysia di kedudukan ke-160:WUR2020 (2019: 184); Universiti Sains Malaysia di kedudukan ke-165:WUR2020 (2019: 207) dan Universiti Teknologi Malaysia di kedudukan ke-217:WUR2020 (2019: 228).

Selain itu, sebanyak 15 lagi institusi pendidikan tinggi tempatan (awam dan swasta) juga berjaya disenaraikan di dalam senarai 'top 1000' *QS World University Rankings* iaitu UCSI, UTP, Kolej Taylor, MSU, UUM, UIAM, UiTM, UniMAP, Sunway, UMP, MMU, UNIMAS, UNITEN, UTAR dan UMS. Kejayaan ini merupakan komitmen dan usaha Kementerian secara konsisten di dalam memastikan peruntukan RDC&I yang tetap bagi membangunkan ekosistem penyelidikan yang kondusif serta menyokong aktiviti penyelidikan di universiti.

Namun demikian, Kementerian tidak hanya memfokuskan kepada ranking universiti. Sebaliknya, keutamaan harus diberikan kepada elemen-elemen yang akan memberi impak yang tinggi terhadap kecemerlangan budaya akademik serta menyumbang kepada kesarjanaan dan ekosistem Pendidikan Tinggi Malaysia. Ini selaras dengan hasrat Kementerian untuk menghasilkan para akademik yang berintegriti dan bertanggungjawab di dalam pembangunan sosial negara. Universiti juga harus memiliki keupayaan untuk menghasilkan graduan yang pelbagai bakat, kalis masa hadapan (*future proof*), cekal dan sentiasa mempunyai daya adaptasi terhadap perubahan.

Sekian, terima kasih.